

10/05/2002

Ulama harap perjumpaan Umno, Pas dicontohi

GOMBAK, Khamis - Kesediaan kerajaan dan pembangkang mengenepikan perbezaan fahaman serta menandatangani pernyataan bersama menghadapi musuh Islam semalam wajar menjadi contoh kepada pemimpin negara Islam lain, kata Ketua Ulama Bosnia, Dr Mustafa Ceric.

Katanya, krisis Palestin mampu menjadi titik permulaan semua negara Islam bersatu semula dengan mengenepikan perbezaan bagi menentang musuh Islam dan muncul sebagai kuasa besar dunia.

Bagaimanapun, beliau berkata penentangan terhadap musuh Islam harus dilakukan secara diplomasi dan bukan bertindak kerana dendam hingga mengorbankan beribu nyawa tidak bersalah.

"Cara terbaik menentang musuh Islam ialah dengan bekerjasama. Pihak yang lemah atau agresif tidak akan kekal menguasai dunia tetapi pihak yang bersepakat untuk kebaikan akan berjaya berbuat demikian.

"Membalas dendam adalah tanda kelemahan yang akan terus mengorbankan nyawa tidak bersalah. Inilah pengajaran krisis Bosnia yang harus diingat dalam menangani konflik Palestin," katanya pada sidang akhbar sempena lawatan rasminya ke Universiti Islam Antarabangsa (UIA), di sini hari ini.

Dr Mustafa mengulas syarahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir pada majlis Syarahan Perdana Palestin dan Kemanusiaan, di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP, malam tadi).

Presiden Pas, Datuk Fadzil Mohd Noor, turut menyampaikan syarahannya diikuti kedua-dua mereka menandatangani pernyataan bersama mewakili pendirian rakyat Malaysia dalam isu keganasan Israel di Palestin.

Sementara itu, ketika bercakap kepada Bernama, Dr Mustafa berkata, negaranya patut dibenarkan menganggotai Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) walaupun ia bukan negara Islam.

Katanya, walaupun Bosnia bukan negara Islam sepenuhnya, ia melaksanakan ajaran Islam dengan caranya sendiri dan dalam sesetengah aspek mungkin mengatasi kebanyakan negara Islam lain.

"Saya percaya kami mempunyai tempat dalam OIC. Kami tergolong sebagai umat Islam kerana kami bukannya baru semalam menjadi orang Islam. Di Bosnia dan Herzegovina, Islam adalah perkara semula jadi seperti pokok dan sungai," katanya.

Beliau berkata, Bosnia dan Herzegovina, yang terletak di tengah-tengah benua Eropah berada dalam keadaan terumbang-ambing kerana tidak menganggotai mana-mana kelompok, baik Kesatuan Eropah atau OIC.

"Kami hanya berada di bilik menunggu," kata Dr Mustafa.

(END)